

20/03/2001

Huru-hara tidak beri manfaat kepada rakyat

Shariffudin Mohamed

DALAM satu majlis makan malam yang dihadiri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan ketua jabatan serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di Kuantan, baru-baru ini, Perdana Menteri mengemukakan satu senario kenapa rakyat perlu menghargai keamanan.

Ternyata Dr Mahathir tidak menghadapi masalah untuk membuatkan hadirin memahami dengan mudah mengenai kepentingan mengekalkan keamanan dalam negara ini.

Beliau mahu rakyat memikirkan betapa susahnyanya hidup dalam keadaan huru-hara jika berlaku perbalahan seperti peristiwa di Jalan Klang Lama, baru-baru ini, hingga mengorbankan enam orang.

Katanya, kadang-kadang ada orang terlupa sesuatu yang mereka miliki, termasuk badan yang sihat.

"Contohnya, kita tidak nilai kesihatan kita. Kita hanya tahu harga atau nilai kesihatan itu apabila kita sakit dan pada masa itu, kita bukan saja berubat, tetapi minta kepada Allah supaya sembuh.

"Bagaimanapun, apabila sihat, kita kadang-kadang lupa dan tidak ikut arahan doktor yang melarang kita makan banyak gula atau jangan menghisap rokok," katanya.

Menurut Dr Mahathir, rusuhan yang berlaku tidak akan menguntungkan sesiapa, malah rakyat berasa tidak selamat untuk berjalan merata tempat.

Katanya, tiada perkara yang baik datang daripada keadaan huru-hara, peperangan atau perang saudara.

"Mungkin mereka yang mencetuskan huru-hara berpendapat bahawa daripada huru-hara ini, mereka akan dapat sesuatu. Mungkin kemenangan bagi mereka dan kemenangan ini, maka mereka akan mendapat satu balasan yang baik, tetapi kita harus ingat bahawa hari ini kita senang, esok mungkin kita kalah," katanya.

Beliau berkata, apa untung dan ertinya jika melakukan sesuatu yang hanya menimbulkan kemarahan dan permusuhan.

Menurutnya, jika ada orang luar cuba menghasut mencetuskan huru-hara dalam negara ini, orang asing itu perlu ditolak.

"Malaysia adalah negara kita, sama ada kita orang Melayu, Cina, India, Orang Asli, Iban, Kadazan, Bajau dan orang Ulu, Malaysia adalah negara kita," katanya.

Pesanan Dr Mahathir memang tepat pada masanya kerana ada orang mengambil mudah keamanan yang ada di negara ini.

Dalam keamanan, orang ramai boleh bergerak bebas tanpa kebimbangan, kakitangan kerajaan boleh pergi ke pejabat, peniaga boleh menjalankan perniagaan, dan surirumah boleh pergi membeli-belah.

Parti politik juga boleh menganjurkan ceramah mereka dengan dihadiri penyokong masing-masing.

Di Pahang, ternyata peristiwa di Jalan Klang Lama menjadi perhatian, tetapi orang ramai tidak gusar kerana yakin pihak berkuasa akan mampu mengawal keadaan dan sekali gus mematikan semua khabar angin.

Parti pembangkang tetap juga mengadakan ceramah politik mereka walaupun pilihan raya umum akan diadakan pada 2004.

Ahli Umno pula sibuk dengan kempen pemilihan ahli jawatankuasa bahagian yang akan bermula April ini.

Ini berikutan kenyataan Pengerusi Perhubungan Umno negeri, Datuk Adnan Yaakob, yang seolah-olah memberi kebebasan kepada ahli bertanding untuk merebut pelbagai jawatan dalam bahagian.

Apa pun, jika negara ini mengalami huru-hara membabitkan pembalahan kaum, rakyat pelbagai lapisan, termasuk pemimpin dan ahli parti politik sudah pasti tidak akan dapat melaksanakan sebarang kerja.

(END)